

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 22 MEI 2007, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 11**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1141-L2447  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pendekatan pengantarabangsaan penentu utama kepada 'survival' Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negara ini.
2. PN-1141-L2587  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan peluang berniaga kepada pengusaha-pengusaha mini market serta super market selepas penubuhan pasar raya-pasar raya seperti Giant, Tesco dan Carrefour di bandar-bandar besar.
3. PN-1141-L2468  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan inisiatif yang diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan lagi produktiviti kelapa sawit di mana harga minyak mentah sawit dan hasil eksport minyak sawit meningkat sebanyak 30% pada bulan Mac yang lalu demi menjana pertumbuhan ekonomi negara yang semakin pesat.
4. PN-1141-L2424  
**Dato' Yip Kum Fook** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengikut Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, seseorang penjual/pelupus hartanah hendaklah menyimpan sejumlah wang untuk cukai itu dengan peguam sebelum diserahkan untuk membuat pembayaran. Sekiranya peguam itu lari, penjual akan menghadapi masalah walaupun angkara itu bukanlah disebabkan olehnya. Jadi, apakah jalan penyelesaian bagi penjual itu.

5. PN-1141-L2658  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan tahap kerjasama Kerajaan negeri dalam meluluskan tanah milik Kerajaan untuk pembangunan projek-projek perladangan.
6. PN-1141-L2247  
**Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan halangan dan kelemahan yang dihadapi bagi melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan (PPMI), PLP dan PPP serta menyatakan perancangan Kementerian untuk mempertingkatkan bilangan peserta-peserta serta merancakkan lagi program-program ini.
7. PN-1141-L2765  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
  - (a) apakah kelayakan untuk mendapat Rumah Mesra Rakyat dan berdasarkan latar belakang seperti mana; dan
  - (b) berapakah jumlah rakyat yang telah mendapat bantuan Rumah Mesra sehingga tahun 2007 ini di negeri Sabah.
8. PN-1141-L2896  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah peluang kedua yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang tercicir daripada sistem pendidikan peringkat PMR dan SPM.
9. PN-1141-L2617  
**Puan Heng Seai Kie** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah usaha dan kejayaan Kerajaan dalam memberi perlindungan dan bantuan kepada kaum wanita yang bermasalah dan kebuntuan seperti mangsa keganasan rumah tangga.
10. PN-1141-L2280  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah halangan-halangan yang timbul hingga menyebabkan tergendalanya pelaksanaan Koridor Timur.

11. PN-1141-L2663  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah tunai yang boleh dibawa keluar dan dibawa masuk oleh rakyat Malaysia ke negara asing dan bagaimana pula dengan jumlah mata wang asing yang dibenarkan dibawa masuk oleh rakyat asing ke Malaysia; dan
  - (b) berapakah pula jumlah simpanan tunai kita di bank tempatan yang perlu dilapor oleh mereka kepada Bank Negara dan apakah alasan laporan itu.
12. PN-1141-L2805  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) jumlah permohonan jawatan Kerajaan melalui penghantaran borang-borang fizikal, media elektronik dan cara-cara lain bagi setiap tahun dari 1997 hingga 2006; dan
  - (b) senaraikan jumlah temu duga dan ujian yang dijalankan setiap tahun itu serta kriteria-kriteria utama dalam temu duga dan ujian pengambilan.
13. PN-1141-L2850  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan di dalam keadaan negara sedang mengalami kepanasan global, adakah Kerajaan akan mengkaji semula kebenaran menggunakan cermin hitam pada kenderaan-kenderaan.
14. PN-1141-L2355  
**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah lebihan dan kekurangan guru-guru terlatih mengikut bidang pengkhususan; dan
  - (b) apakah ada syarat-syarat tertentu dalam penempatan guru-guru terlatih terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.
15. PN-1141-L2166  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk menjamin caruman pesara-pesara dalam KWSP adalah terjamin walaupun KWSP dilaporkan telah melabur di sektor-sektor yang berisiko tinggi.

16. PN-1141-L2067  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada pegawai-pegawai KEMAS yang berkhidmat secara kontrak akan dilantik secara tetap.
17. PN-1141-L2543  
**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan bagi mengelakkan banjir kilat berlaku seperti di Johor baru-baru ini dan di TTDI, Shah Alam.
18. PN-1141-L2203  
**Tuan Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil dan dirancang untuk menggalakkan kemasukan murid-murid bukan Melayu dalam usaha untuk memperkasakan sekolah kebangsaan terutamanya dengan pelaksanaan teras ketiga Kementerian iaitu memperkasakan Sekolah dan Inisiatif Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).
19. PN-1141-L2266  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pengangguran di kalangan masyarakat orang asli dan keberkesanan penyampaian maklumat mengenai peluang-peluang pekerjaan kepada para penganggur tersebut.
20. PN-1141-L2525  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan tindakan untuk penambahbaikan Modul Pendidikan dan Kursus Kemahiran Imam dalam mentadbir masjid dan qariah sebagai satu organisasi ibadat dan pendidikan berteraskan teknologi semasa.
21. PN-1141-L2140  
**Datuk Chew Vun Ming** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian bagi memastikan tahap kebersihan di bandar-bandar utama di negara ini berada dalam keadaan bersih sempena Tahun Melawat Malaysia 2007.
22. PN-1141-L2371  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah caranya bagi meningkatkan pengeluaran padi sebagaimana kempen 'Hasil Peningkatan Pengeluaran Padi' dan apakah galakkan dan insentif kepada petani-petani ini untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka.

23. PN-1141-L2551  
**Puan Mumtaz binti Md. Naw**i minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan :-
- (a) setakat mana kuasa pengawal Kerajaan terhadap syarikat telco dan Internet yang akhir ini telah mengganggu pengguna dengan menghantar SMS serta paparan imej secara automatik yang tidak dilanggan seperti AJoke dari Celcom.; dan
  - (b) namakan alamat dan nombor telefon jabatan atau agensi yang boleh dilaporkan kegiatan 'spamming' ini untuk tindakan segera.
24. PN-1141-L2758  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah insentif/faedah yang diberikan kepada ahli sukan yang telah mengharumkan nama negara di peringkat dunia selepas mereka bersara dari arena sukan.
25. PN-1141-L2405  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana penyeragaman logo halal telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk seluruh negara.
26. PN-1141-L2806  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membantu Kerajaan Negeri Kedah mengoperasi semula Kampung Buku Malaysia (Langkawi) supaya menjadi sebuah destinasi tarikan para pelancong asing.
27. PN-1141-L2778  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapa buah syarikat yang telah ditangkap hasil penipuan skim pelaburan cepat kaya dari rumah ke rumah. Laporan daripada pihak Kementerian, Bahagian Penguatkuasa ratusan ribu pelabur dipercayai terpedaya oleh jaminan pulangan berlipat kali ganda dan terus melabur dalam syarikat jualan langsung yang menjalankan perniagaan berbentuk skim cepat kaya tanpa kebenaran pihak berkuasa. Berapakah jumlah tangkapan dan hasil pelaburan yang ditipu.
28. PN-1141-L2042  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional memendekkan jumlah hari jemaah mengerjakan haji.

29. PN-1141-L2344  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah benar peningkatan kadar jenayah dalam negara kini antaranya berpunca daripada kebanjiran Pendatangan Asing Tanpa Izin (PATI). Jika benar, betapa serius kadar tersebut.
30. PN-1141-L2718  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada peningkatan prestasi pasaran ekuiti tidak akan menjejaskan dasar Kerajaan untuk mendekatkan jurang perbezaan di antara yang ada dan yang tiada dan di antara bandar dan luar bandar. Pengalaman 1993-1997 menunjukkan bahawa bila pasaran ekuiti begitu cergas dan 'bullish' jurang perbezaan dalam pendapatan antara yang kaya dan miskin dan di antara bandar dan luar bandar melebar. Apakah tindakan dan kaedah yang akan digunakan untuk memastikan yang jurang ini tidak akan melebar.
31. PN-1141-L2348  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan yang kebetulannya adalah Ahli Parlimen Sungai Siput, tidakkah beliau mempunyai hasrat untuk meninjau sendiri jalan raya baru dari Sungai Siput ke Pos Hau dan ke Gua Musang. Jalan ini boleh dilalui oleh lori balak sejak tiga puluh tahun dahulu memandangkan sekiranya jalan ini dibangunkan, pertumbuhan ekonomi sepanjang jalan tersebut akan lebih berkembang maju.
32. PN-1141-L2129  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap laporan yang dikeluarkan oleh Political and Economic Risk Consultancy (PERC) di Hong Kong di mana laporan tersebut telah memberi gambaran bahawa gejala rasuah di Malaysia telah meningkat berbanding dengan tahun 2006 dan apakah undang-undang yang sedia ada adalah efektif bagi membendung gejala rasuah dari meningkat.
33. PN-1141-L2841  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah jumlah pelancong yang melawat negara kita sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 dan berapakah daripada jumlah tersebut terdiri daripada pelancong Eropah dan Benua Amerika.
34. PN-1141-L2256  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Wilayah Persekutuan.

35. PN-1141-L2666  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa semua pasangan bukan Islam mendaftarkan perkahwinan mereka.
36. PN-1141-L2555  
**Dato' Rhina Bhar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk membatalkan Akta Rahsia Rasmi berkenaan dengan kontrak-kontrak yang telah dikeluarkan untuk projek-projek Kerajaan bagi mengelakkan sebarang salah faham orang ramai terhadap Kerajaan.
37. PN-1141-L2902  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan dalam Tahun Melawat Malaysia 2007, setakat ini apakah yang telah dicapai dan adakah ia menepati sasaran.
38. PN-1141-L2879  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah cadangan umur bersara kakitangan awam dapat diputuskan daripada umur bersara wajib 56 tahun dilanjutkan kepada 60 tahun dan nyatakan implikasi kewangan serta kesan positif kepada keseluruhan sistem perkhidmatan Kerajaan (termasuk Polis dan Tentera).
39. PN-1141-L2175  
**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah kejayaan Program National Bio-technology Corporation di peringkat negeri yang telah dilaksanakan bagi membangunkan sektor bioteknologi, terutamanya di Sabah dan Sarawak, yang memang terkenal di seluruh dunia dengan kekayaan kepelbagaian hayat.
40. PN-1141-L2313  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sempena 50 tahun kemerdekaan negara, apakah fahaman komunis masih dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan negara dan berapa ramai bekas anggota PKM yang dibenarkan dan tidak dibenarkan kembali ke Malaysia. Apakah sumbangan Kerajaan kepada kampung penempatan bekas anggota PKM yang bermastautin di Selatan Thailand.
41. PN-1141-L2514  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menjadikan Parlimen sebagai tempat bebas merokok supaya menjadi contoh kepada rakyat di seluruh negara.

42. PN-1141-L2492  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam kajian atau laporan EPU, keseriusan masalah belia keturunan India yang berisiko tinggi dan apakah punca-punca, usaha-usaha dan peruntukan Kerajaan untuk menolong dan mengatasi masalah ini.
43. PN-1141-L2466  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tentang kewajipan bagi setiap pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) melakukan imbasan kesihatan (medical check-up) sebelum menyertai PLKN bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini berlaku.
44. PN-1141-L2298  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan terhadap PKS tempatan selepas pelancaran program promosi produk PKS-Taste of Malaysia di United Kingdom.
45. PN-1141-L2193  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan penuntut-penuntut mengikut kaum bagi tahun 2005 hingga 2007 yang belajar di Giat MARA seluruh Malaysia.
46. PN-1141-L2626  
**Puan Heng Seai Kie** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang boleh dikenakan ke atas seseorang yang telah menunjukkan gambar lucah seseorang (contohnya mangsa kes siasatan polis) kepada pihak media dan orang ramai, tanpa mendapat keizinan daripada si mangsa terlebih dahulu.
47. PN-1141-L2435  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) peluang usahawan bumiputera untuk terbabit di dalam Pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI); dan
  - (b) adakah agensi Kerajaan tertentu akan dilantik dalam memastikan kepentingan usahawan bumiputera, terutama bidang hartanah dalam WPI.
48. PN-1141-L2642  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tahap pencapaian pelajar yang dikategorikan sebagai pelajar miskin di IPTA dan jumlah keciciran pelajar kategori ini dan puncanya.

49. PN-1141-L2154  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jumlah pelancong asing yang datang melawat negara kita tahun ini dan sejauh manakah dikatakan rancangan Tahun Melawat Malaysia berkembang baik dan akan mencapai matlamatnya.
50. PN-1141-L2616  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah ramai guru-guru membantah kemasukan pegawai PTD untuk menganggotai Jabatan Pelajaran Negeri walaupun kehadiran pegawai PTD ini diyakini dapat mempertingkatkan lagi keberkesanan pengurusan sumber manusia dan kewangan jabatan.
51. PN-1141-L2923  
**Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan usaha Polis DiRaja Malaysia bagi menangani kegiatan 'Mat Rempit' yang masih berleluasa terutama pada malam cuti umum. Kegiatan 'Mat Rempit' yang semakin ganas perlu di banteras sebelum ianya menjadi lebih parah.
52. PN-1141-L2620  
**Puan Heng Seai Kie** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menyemak semula syarat penawaran biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada pelajar cemerlang berkenaan kelayakan pendapatan keluarga yang tidak boleh melebihi RM1500 sebulan. Adakah Kerajaan bercadang untuk membuat peruntukan khas bagi anak pegawai Kerajaan bukan siswazah.
53. PN-1141-L2208  
**Ir. Hiang A Li** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah akta dan undang-undang lapuk yang sudah dikenal pasti dan disenaraikan untuk dipinda dan kemukakan senarai akta dan undang-undang lapuk itu.
54. PN-1141-L2335  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengapakah Kementerian membenarkan penjualan produk-produk murah tetapi kualitinya rendah yang kadangkala hanya boleh digunakan dalam jangka masa yang pendek secara berleluasa termasuk di pasar-pasar di negara ini.
55. PN-1141-L2706  
**Tuan Tan Bon You** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan Kerajaan akan melaksanakan masa kerja panjang dan ada tiga waktu untuk hadir bertugas seluruh negara, mengapakah pejabat Kerajaan ditutup pada waktu makan tengah hari.

56. PN-1141-L2025  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah perancangan negara di dalam mencari sumber air alternatif bagi mengatasi masalah kemarau serta permasalahan pencemaran sungai yang semakin meningkat dan adakah rakyat Malaysia suatu hari kelak terpaksa menggunakan air kumbahan seperti air "New Water" di Singapura.
57. PN-1141-L2822  
**Dato' Azian bin Osman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kumpulan gerakan ajaran sesat yang telah dikenal pasti dan jumlah yang telah dikenakan tindakan undang-undang serta keberkesanan program pemulihan yang telah dilaksanakan. Apakah Kerajaan bercadang untuk memperketat undang-undang berkaitan.
58. PN-1141-L2074  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh polis untuk mencegah jenayah seperti pecah rumah, peras ugut dan sebagainya khususnya di kawasan taman-taman perumahan.
59. PN-1141-L2917  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian agar semangat Integrasi Nasional di antara kaum di negara ini dapat ditingkatkan lagi.
60. PN-1141-L2698  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan tegas Kementerian terhadap stesen TV berbayar yang giat menyiarkan iklan-iklan berbayar di saluran mereka.
61. PN-1141-L2387  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian di dalam menangani isu-isu dan aduan-aduan yang dibuat oleh pihak yang terjejas akibat kelemahan perkhidmatan pengangkutan udara di 'non trunk routes' yang di kendali oleh FAX sejak FAX mengambil alih laluan tersebut daripada MAS sehingga 'connectivity' pengangkutan udara di beberapa bandar di Sarawak dan Sabah menjadi terjejas sekali gus turut melemahkan aspek pelancongan.
62. PN-1141-L2110  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan kenapakah stesen penyiaran milik Kerajaan, iaitu RTM sudah bertukar corak mirip kepada gaya stesen penyiaran swasta dan banyak menyiarkan drama yang diimport daripada Indonesia, seolah-olah seperti menidakkan mutu dan kemampuan drama tempatan.

63. PN-1141-L2388  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah kejayaan dan pencapaian Kementerian di dalam mewujudkan usahawan-usahawan yang berjaya di seluruh negara sejak ia diwujudkan.
  
64. PN-1141-L2910  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah pencapaian projek-projek Multimedia Development Corporation (MDEC) sehingga kini mengikut rangka kerja yang digariskan oleh agensi tersebut.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |     |                |   |                               |
|-----|----------------|---|-------------------------------|
| 1.  | (D.R. 44/2006) | Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006 - <b>Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang ( 21 Mei 2007 )”</b> ”. |                               |
| 2.  | (D.R. 30/2006) | Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (Pindaan) 2006;  | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 3.  | (D.R. 33/2006) | Rang Undang-undang Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006;  | “                             |
| 4.  | (D.R. 52/2006) | Rang undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006;   | “                             |
| 5.  | (D.R. 2/2007)  | Rang undang-undang Syarikat (Pindaan) 2007;   | “                             |
| 6.  | (D.R.3/2007)   | Rang undang-undang Pelindungan Pengguna (Pindaan) 2007;   | “                             |
| 7.  | (D.R. 4/2007)  | Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007;   | “                             |
| 8.  | (D.R. 6/2007)  | Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007;  | “                             |
| 9.  | (D.R. 7/2007)  | Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007;  | “                             |
| 10. | (D.R. 8/2007)  | Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007;   | “                             |
| 11. | (D.R. 11/2007) | Rang Undang-undang Pasaran modal dan Perkhidmatan 2007;   | “                             |
| 12. | (D.R. 12/2007) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007;   | “                             |
| 13. | (D.R. 10/2007) | Rang undang-undang Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007;   | “                             |
| 14. | (D.R. 13/2007) | Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (Pindaan) 2007; dan  | “                             |
| 15. | (D.R. 14/2007) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (Pindaan) 2007.   | “                             |

16. PN-1141-U2092  
**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** akan mencadangkan:-

"Bahawa, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa berangkat membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas yang telah menghargai Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam menerajui tampuk perundangan negara;

Menyedari, seruan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong supaya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat membuktikan kesetiaan kepada Raja dan Negara dengan menjalankan segala tugas dan kewajipan, di luar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dengan penuh kewibawaan dan integriti;

Maka, Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan supaya lagu "Negaraku" dimainkan dan dinyanyikan beramai-ramai oleh Ahli-ahli Dewan Negara termasuk pegawai-pegawai yang hadir pada setiap kali selepas bacaan doa pada setiap hari Dewan bersidang; dan ketetapan ini juga hendaklah dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

**(Perdana Menteri)**

17. PN-1141-U2323  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan segera memberikan perhatian dan bantuan yang serius terhadap nasib pekerja-pekerja Malaysia yang terkandas dan tertipu di Singapura. Tindakan tegas mestilah diambil terhadap agensi-agensis pekerjaan khususnya yang beroperasi di Malaysia. Kerajaan juga perlu mengujudkan perjanjian dua hala yang lebih ketat mengenai pengambilan pekerja-pekerja Malaysia ke Singapura."

**(Menteri Luar Negeri)**

18. PN-1141-U2325  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah segera untuk menyelamatkan 50 Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) bumiputera yang nyawa-nyawa ikan sedangkan 700 buah lagi telah pun gulung tikar. Masalah seperti kesukaran mendapatkan pembiayaan pelajar, kekurangan pelajar, saingan daripada Institusi Latihan Awam (ILA) dan dasar yang tidak jelas sejak 2003 masih menghantui masa depan ILKS bumiputera ini."

**(Menteri Sumber Manusia)**

19. PN-1141-U2327

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan bertindak tegas terhadap stesen penyiaran swasta yang gagal memenuhi garis panduan penyiaran yang menetapkan sekurang-kurangnya 60% program adalah dalam Bahasa Kebangsaan. Ia adalah isu lama yang berlarutan yang berkait rapat dengan isu komitmen, penguatkuasaan dan pertindihan tanggungjawab."

**(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)**

20. PN-1141-U2329

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengharamkan sebarang program realiti yang pemenangnya ditentukan semata-mata oleh undian SMS. Ternyata program seumpama ini hanya bertujuan untuk mengeksploitasi orang ramai yang berbelanja secara membazir. Ia bukan sahaja gagal melahirkan pemenang yang berkualiti tetapi mengujudkan budaya yang salah dalam melahirkan idola yang sepatutnya dicontohi oleh generasi muda."

**(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2007</u></b>	<b><i>RISALAT/DOKUMEN</i></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.49	Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.3) 2006 -P.U.(A) 326 bertarikh 1 September 2006	22 Mei 2007
ST.50	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.24) 2006 -P.U.(A) 363 bertarikh 5 Oktober 2006	22 Mei 2007
ST.51	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.25) 2006 -P.U.(A) 398 bertarikh 2 November 2006	22 Mei 2007
ST.52	Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.4) 2006 -P.U.(A) 448 bertarikh 31 Disember 2006	22 Mei 2007
ST.53	Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.5) 2006 -P.U.(A) 449 bertarikh 31 Disember 2006	22 Mei 2007
ST.54	Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.6) 2006 -P.U.(A) 450 bertarikh 31 Disember 2006	22 Mei 2007
ST.55	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) (Pindaan) 2006 -P.U.(A) 451 bertarikh 31 Disember 2006	22 Mei 2007
ST.56	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Penerbitan Sekuriti Islam) 2007 -P.U.(A) 6 bertarikh 11 Januari 2007	22 Mei 2007
ST.57	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalian Eksport) 2007 -P.U.(A) 14 bertarikh 18 Januari 2007	22 Mei 2007
ST.58	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2007 -P.U.(A) 58 bertarikh 8 Februari 2007	22 Mei 2007

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2007</u></b>	<b><i>RISALAT/DOKUMEN</i></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.59	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Penubuhan Perniagaan Broker Saham Berasaskan Islam) 2007 -P.U.(A) 65 bertarikh 15 Februari 2007	22 Mei 2007
ST.60	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.2) 2007 -P.U.(A) 66 bertarikh 15 Februari 2007	22 Mei 2007
ST.80	Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan Sementara) 2006 -P.U(A) 435 bertarikh 24 Disember 2007	22 Mei 2007
ST.81	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3) -P.U.(A) 80 bertarikh 22 Februari 2007	22 Mei 2007
ST.82	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.4) -P.U.(A) 80 bertarikh 22 Februari 2007	22 Mei 2007
ST.83	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.5) -P.U.(A) 80 bertarikh 22 Februari 2007	22 Mei 2007
ST.84	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.6) -P.U.(A) 80 bertarikh 22 Februari 2007	22 Mei 2007
ST.85	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.7) -P.U.(A) 80 bertarikh 22 Februari 2007	22 Mei 2007